

DASAR ANTARABANGSA PERSEKUTUAN PENGKAKAP MALAYSIA




No. rujukan mesyuarat MEPN : PPM-6(004)/2022
Tarikh kelulusan mesyuarat : 20 Ogos 2022

KAWALAN DOKUMEN

Dokumen : Dasar Antarabangsa
Rujukan : ANT-#20082022
Versi : 1

No. rujukan mesyuarat MEPN : PPM-6(004)/2022
Tarikh kelulusan mesyuarat : 20 Ogos 2022

Pelepasan Dokumen

<i>Diluluskan oleh:</i>	Mej. Gen. Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd Zin bin Bidin	Pemangku Ketua Pengakap Negara merangkap Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara	13/17/2024	
<i>Semakan:</i>	Norma Noordin	Pesuruhjaya Antarabangsa	21/7/23	
<i>Semakan:</i>	Tn. Aiznin Sairi bin Sulaiman	Ketua Pegawai Operasi		21.7.23
<i>Penulis:</i>	Tn. Ahmad Arif bin Astaman	Pesuruhjaya Kebangsaan (Polisi Antarabangsa)	02/7/23	
	<i>Nama</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Tarikh</i>	<i>Tandatangan</i>

Sejarah Semakan

1	20.08.2022	Siaran pertama	Norma Noordin
<i>Versi</i>	<i>Tarikh</i>	<i>Modifikasi Versi</i>	<i>Nama</i>

Isi Kandungan

Perkara	Mukasurat
Artikel 1 Prinsip dan Objektif Hubungan Antarabangsa	...3
Artikel 2 Struktur Bahagian Antarabangsa PPM	...3
Artikel 3 Tatacara Komunikasi Antarabangsa PPM	...5
Artikel 4 Pencalonan Ahli PPM ke Jawatan Kepengakapan Antarabangsa	...7
Artikel 5 Pengurusan Kewangan Bahagian Antarabangsa PPM	...7
Artikel 6 Acara Kepengakapan Antarabangsa: Acara Yang Dibenarkan Untuk Penyertaan	...8
Artikel 7 Acara Kepengakapan Antarabangsa: Kelayakan dan Tatacara Penyertaan	...10
Artikel 8 Acara Kepengakapan Antarabangsa: Disiplin, Etika dan Pakaian Seragam Peserta	...11
Artikel 9 Tatacara Penerimaan Lawatan Ahli Pengakap Luar Negara ke Malaysia	...12
Artikel 10 Tatacara Pelaksanaan Lawatan Ahli Pengakap Malaysia ke Luar Negara	...14
Artikel 11 Pelaksanaan Program atau Latihan Antara Negara	...15
Artikel 12 Tatatertib	...16
Artikel 13 Percanggahan dan Pindaan	...16

PERNYATAAN KEPERINCIAN DASAR

Dasar Antarabangsa Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) adalah bertujuan untuk menjadi panduan bagi semua peringkat pengurusan dan keahlian PPM dalam memenuhi keperluan pentadbiran dan penyelarasan acara kepengakapan antarabangsa secara sistematik, sempurna dan berkesan, dan tertakluk sepenuhnya kepada peruntukan dokumen '*Policy, Organisation and Rules*' (POR) PPM yang berkuatkuasa.

Kandungan asal dasar ini telah digubal oleh Bahagian Antarabangsa PPM dengan sokongan Ketua Pengakap Negara dan barisan kepimpinan PPM kebangsaan melalui Bengkel Pemerkasaan Dasar dan Polisi Antarabangsa PPM pada 1 dan 2 Disember 2018 di Dewan Templer, Ibu Pejabat PPM. Versi ini telah dikemaskini dan disusun pada bulan Mac 2022.

ARTIKEL 1

Prinsip dan Objektif Hubungan Antarabangsa

- 1.1 PPM adalah Pertubuhan Pengakap Kebangsaan (*National Scout Organisation, NSO*) yang tunggal untuk Malaysia, dan merupakan ahli Pertubuhan Sedunia untuk Pergerakan Pengakap (*World Organisation of the Scout Movement, WOSM*).
- 1.2 Prinsip hubungan antarabangsa PPM dengan mana-mana peringkat WOSM, Rantau Pengakap Asia Pasifik (*Asia Pacific Scout Region, APR*) dan/atau mana-mana peringkat NSO lain adalah sentiasa mengutamakan semangat persaudaraan, kesefahaman, tolak ansur dan keberhasilan 'menang-menang' yang berteraskan Persetiaan dan Undang-undang Pengakap.
- 1.3 Objektif aktiviti hubungan antarabangsa PPM adalah untuk:
 - a. Memelihara status PPM sebagai ahli penuh WOSM, dan
 - b. Memelihara reputasi, nama baik dan kepentingan kepengakapan Malaysia amnya dan PPM khususnya, di kalangan pengurusan WOSM peringkat sedunia dan serantau, di kalangan NSO lain dan di kalangan mana-mana pemegang taruh yang lain.
- 1.4 Semua hal ehwal kepengakapan antarabangsa yang melibatkan PPM atau mana-mana individu di dalam kapasitinya sebagai ahli PPM hendaklah dikawal selia oleh Pesuruhjaya Antarabangsa, dibantu oleh Bahagian Antarabangsa PPM dan diselaraskan oleh Ibu Pejabat PPM, mengikut peruntukan Dasar ini.

ARTIKEL 2

Struktur Bahagian Antarabangsa PPM

- 2.1 Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Antarabangsa yang dilantik oleh Ketua Pengakap Negara mengikut peruntukan POR PPM. Bidang tugas khusus Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah ditentukan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.
- 2.2 Pesuruhjaya Antarabangsa boleh mencalonkan mana-mana ahli PPM yang difikirkan wajar dan layak untuk mengisi jawatan Bahagian Antarabangsa PPM di peringkat kebangsaan seperti berikut:
 - a. Penolong Pesuruhjaya Antarabangsa,
 - b. Pesuruhjaya Kebangsaan (Antarabangsa), dan
 - c. Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan (Antarabangsa),tertakluk kepada persetujuan Ketua Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara sewajarnya, dan peruntukan POR PPM yang berkaitan.

- 2.3 Sekiranya difikirkan perlu, Pesuruhjaya Antarabangsa boleh melantik mana-mana ahli PPM yang difikirkan wajar dan layak untuk mengisi jawatan sukarelawan Pasukan Perhubungan Antarabangsa (*International Relations Team, IRT*) di peringkat kebangsaan, dan menentukan syarat-syarat pelantikan tersebut.
- 2.4 Setiap Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri hendaklah melantik mana-mana ahli PPM yang difikirkan wajar dan layak untuk mengisi jawatan Bahagian Antarabangsa PPM di peringkat negeri seperti berikut:
- a. Seorang Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri (Hal Ehwal Antarabangsa),
 - b. Sekiranya perlu, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri (Hal Ehwal Antarabangsa), dan
 - c. Sekiranya perlu, sukarelawan IRT peringkat negeri,
- tertakluk kepada peruntukan POR PPM yang berkaitan.
- 2.5 Ketua Pegawai Eksekutif PPM hendaklah melantik seorang kakitangan Ibu Pejabat PPM yang difikirkan wajar dan layak untuk mengisi jawatan Pegawai Meja Bahagian Antarabangsa PPM.
- 2.6 Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah menentukan bidang tugas dan skop kerja setiap perjawatan Bahagian Antarabangsa PPM, dan menetapkan carta organisasinya. Mana-mana ahli atau kakitangan PPM yang dilantik ke apa-apa jawatan Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah melaksanakan tanggungjawab mengikut bidang tugas dan skop kerja yang telah ditetapkan, syarat-syarat khusus pelantikan serta menurut arahan tertentu yang dikeluarkan kepadanya dari semasa ke semasa.
- 2.7 Mana-mana ahli atau kakitangan PPM yang dilantik ke apa-apa jawatan Bahagian Antarabangsa PPM, samada di peringkat kebangsaan atau negeri, adalah wajar mempunyai pengetahuan mencukupi di dalam perkara berikut:
- a. Sejarah, struktur dan organisasi PPM, khususnya Bahagian Antarabangsa PPM, serta perkembangan terkini kepengakapan di Malaysia,
 - b. Peranan, struktur dan organisasi Kepengakapan Sedunia (*World Scouting*) melalui WOSM amnya dan APR khususnya,
 - c. Peranan, struktur dan organisasi Jawatankuasa Pengakap Sedunia (*World Scout Committee*), Biro Pengakap Sedunia (*World Scout Bureau, WSB*), dan Jawatankuasa Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Committee*),

- d. Acara-acara tahunan Kepengakapan Sedunia, termasuk Persidangan Pengakap Sedunia (*World Scout Conference, WSC*), Forum Belia Pengakap Sedunia (*World Scout Youth Forum*), Jambori Pengakap Sedunia (*World Scout Jamboree, WSJ*) dan Moot Pengakap Sedunia (*World Scout Moot*),
 - e. Acara-acara tahunan kepengakapan serantau, termasuk Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Conference, APRSC*), Forum Belia Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Youth Forum, APRSYF*), Jambori Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Jamboree*) dan Moot Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Moot*), dan
 - f. Dasar am, program dan inisiatif terkini Kepengakapan Dunia yang bertujuan untuk diamalkan dan/atau dilaksanakan secara sejagat, seperti dasar Selamat Daripada Bahaya (*Safe from Harm, SFH*), *Messenger of Peace (MoP)*, *Scouts for SDGs*, *Better World Framework (BWF)*, *Scouts of the World Award (SoWA)* dan *World Scout Environment Program (WSEP)*, dan apa-apa dasar, program atau inisiatif susulan.
- 2.8 Semua ahli dan kakitangan PPM di Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah memberikan komitmen sewajarnya kepada pencapaian objektif Bahagian Antarabangsa PPM, serta sentiasa menunjukkan semangat sukarelawan yang tinggi, memperlihatkan penampilan yang kemas dan mengamalkan komunikasi yang berkesan semasa bertugas.
- 2.9 Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah mempengerusikan Jawatankuasa Antarabangsa PPM yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Kecil Bahagian Antarabangsa PPM.

ARTIKEL 3

Tatacara Komunikasi Antarabangsa PPM

- 3.1 Semua bentuk komunikasi rasmi bertulis di antara mana-mana peringkat PPM dengan:
- a. Mana-mana peringkat WOSM atau Pejabat Rantau Pengakap APR, atau
 - b. Mana-mana peringkat NSO lain, atau
 - c. Mana-mana entiti kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan asing, samada di negara berkenaan ataupun melalui perwakilannya di Malaysia,
- hendaklah dibuat melalui Ibu Pejabat PPM dan dengan kebenaran Pesuruhjaya Antarabangsa sahaja.

Walau bagaimanapun:

- a. Ketua Pengakap Negara dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara adalah dikecualikan daripada pelaksanaan Artikel ini,
 - b. Ketua Pegawai Eksekutif PPM adalah dikecualikan daripada pelaksanaan Artikel ini bagi semua komunikasi bertulis yang bersifat melaksanakan kepatuhan dan/atau menjalankan obligasi tetap berkala PPM sebagai ahli WOSM, dan
 - c. Seseorang ahli PPM yang memegang apa-apa jawatan Kepengakapan Sedunia atau kepengakapan serantau adalah dikecualikan daripada pelaksanaan Artikel ini bagi semua komunikasi bertulis mengikut keperluan dan terma rujukan jawatan yang dipegangnya, selagi mana komunikasi tersebut tidak mempunyai implikasi mewujudkan apa-apa jenis obligasi ke atas PPM, dan/atau tidak boleh ditafsirkan sebagai menyatakan satu pendapat rasmi bagi pihak PPM.
- 3.2 Semua bentuk komunikasi yang disiarkan dalam apa jua bentuk media yang bertujuan untuk atau boleh ditafsirkan sebagai menyatakan satu pendapat rasmi oleh PPM berkenaan apa-apa isu kepengakapan tempatan, serantau atau sedunia, oleh mana-mana peringkat PPM kepada mana-mana peringkat WOSM atau APR, atau mana-mana peringkat NSO lain, atau mana-mana entiti kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan luar negara, hendaklah dibuat melalui Bahagian Antarabangsa PPM dan dengan kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara sahaja.
- 3.3 Semua bentuk dokumen rasmi bertulis yang bertujuan untuk atau boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan apa-apa jua obligasi ke atas PPM, termasuklah apa-apa jenis perjanjian, memorandum, persetujuan dan sebagainya, di antara mana-mana peringkat PPM dan mana-mana peringkat WOSM atau APR, atau mana-mana peringkat NSO lain, atau mana-mana entiti kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan luar negara, hendaklah dibuat melalui Bahagian Antarabangsa PPM dan dengan kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara sahaja.
- 3.4 Apa-apa draf dokumen rasmi bertulis yang disebut di dalam Artikel 3.3 di atas hendaklah diserahkan kepada Pegawai Meja Bahagian Antarabangsa PPM untuk tujuan penilaian oleh Bahagian Antarabangsa PPM, semakan implikasi perundangan oleh Ibu Pejabat PPM dan kelulusan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, sekurang-kurangnya 30 (tiga puluh) hari sebelum tarikh ianya dicadangkan untuk ditandatangani dan dimeterai. Mana-mana pencadang dokumen yang berkenaan adalah tidak dibenarkan membuat apa-apa pengumuman awam berkenaan apa-apa kandungan atau implikasi dokumen tersebut, selagi mana ia tidak menerima kebenaran dari Pesuruhjaya Antarabangsa.

ARTIKEL 4

Pencalonan Ahli PPM Ke Jawatan Kepengakapan Antarabangsa

- 4.1 Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara adalah bertanggungjawab untuk mempertimbang dan sekiranya difikirkan wajar, memperakui apa-apa pencalonan seseorang ahli PPM ke apa-apa jawatan kepengakapan peringkat antarabangsa di peringkat WOSM atau APR, samada yang tertakluk kepada pemilihan semasa sesuatu persidangan atau mesyuarat, ataupun yang bersifat lantikan terus. Namun demikian, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara boleh, atas budi bicaranya, menurunkan kuasa ini kepada Pesuruhjaya Antarabangsa atau mana-mana Timbalannya.
- 4.2 Pesuruhjaya Antarabangsa adalah bertanggungjawab untuk menasihati Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan menyelaraskan apa-apa keperluan berkaitan pencalonan seseorang ahli PPM ke apa-apa jawatan kepengakapan antarabangsa.
- 4.3 Ketua Pegawai Operasi PPM adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan Pesuruhjaya Antarabangsa tentang apa-apa keperluan dan/atau peluang pencalonan seseorang ahli PPM ke apa-apa jawatan kepengakapan antarabangsa itu secepat mungkin selepas ianya diterima oleh Ibu Pejabat PPM, dan menjalankan apa-apa tindakan susulan yang difikirkan wajar untuk mengenalpasti calon-calon berkenaan.
- 4.4 Pegawai Meja Bahagian Antarabangsa PPM adalah bertanggungjawab untuk memproses semua permohonan pencalonan tersebut mengikut tatacara, keperluan dan garis masa yang telah ditetapkan oleh entiti kepengakapan antarabangsa yang berkenaan.

ARTIKEL 5

Pengurusan Kewangan Bahagian Antarabangsa PPM

- 5.1 Sumber kewangan Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah dibiayai hanya melalui:
 - a. Peruntukan daripada dana PPM, atau
 - b. Sumbangan tunai terus daripada mana-mana ahli PPM, individu perseorangan atau syarikat swasta tempatan, dengan syarat ianya disertakan dengan satu pemakluman bertulis dari penyumbang yang mengkhususkan sumbangan tersebut untuk Bahagian Antarabangsa PPM.
- 5.2 Sekiranya difikirkan wajar oleh Pesuruhjaya Antarabangsa, atau atas arahan Ketua Pengakap Negara, Bahagian Antarabangsa PPM adalah dibenarkan membuka satu akaun bank di atas namanya sendiri dan mentadbirnya mengikut apa-apa ketetapan semasa Jawatankuasa Kewangan PPM. Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah mengemukakan butiran lengkap apa-apa akaun bank di bawah Artikel ini ke Ibu Pejabat PPM tidak lewat daripada tujuh (7) hari bekerja selepas ia dibuka.

Bagi mengelak keraguan, apa-apa wang yang terkandung dan/atau dibayar masuk ke akaun Bahagian Antarabangsa PPM adalah menjadi hak milik mutlak PPM pada setiap

masa, dan kuasa pengurusan akaun, termasuk penutupan akaun tersebut, adalah terletak kepada budi bicara mutlak Jawatankuasa Kewangan PPM.

- 5.3 Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah menyediakan anggaran belanja mengurus tahunan dan membentangkannya untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Kewangan PPM tidak lewat daripada 31 Ogos setiap tahun.
- 5.4 Tahun kewangan Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah diselaraskan dengan tahun kewangan PPM. Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah memastikan akaun pengurusan Bahagian Antarabangsa PPM bagi sesuatu tahun kewangan itu disediakan dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kewangan PPM melalui Ibu Pejabat PPM tidak lewat daripada tiga (3) bulan setelah tamat tahun kewangan PPM.
- 5.5 Semua permohonan pembayaran keluar dari akaun Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah dibuat menggunakan borang dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat PPM, dan seterusnya diluluskan oleh Pesuruhjaya Antarabangsa.
- 5.6 Apa-apa permohonan pembayaran kurang daripada RM 500.00 (Ringgit Malaysia lima ratus sahaja) hendaklah diluluskan oleh Pesuruhjaya Antarabangsa, dan apa-apa permohonan pembayaran melebihi amaun di atas hendaklah diluluskan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.
- 5.7 Semua dokumen berkaitan kewangan Bahagian Antarabangsa PPM, termasuk apa-apa penyata bank, baucar pembayaran keluar dan lampiran berkaitan, hendaklah disimpan di Ibu Pejabat PPM.
- 5.8 Pesuruhjaya Antarabangsa adalah bertanggungjawab menyediakan dan mengemukakan kepada Ibu Pejabat PPM satu penyata aktiviti tahunan untuk Bahagian Antarabangsa PPM tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari setelah tamat tahun kewangan PPM.

ARTIKEL 6

Acara Kepengakapan Antarabangsa: Acara Yang Dibenarkan Untuk Penyertaan

- 6.1 Acara kepengakapan antarabangsa adalah apa-apa acara rasmi yang berasaskan penyertaan pengakap dari sekurang-kurangnya dua NSO dan dianjurkan samada oleh WOSM, mana-mana Pejabat Rantau Pengakap, mana-mana organisasi pengakap antarabangsa yang memegang Status Konsultasi (*'Consultative Status'*) WOSM atau mana-mana NSO lain yang menjadi ahli penuh WOSM, samada di dalam ataupun luar negara.
- 6.2 Mana-mana acara kepengakapan antarabangsa yang dianjurkan oleh WOSM atau Pejabat Rantau Pengakap APR di mana PPM melalui Bahagian Antarabangsa PPM menerima jemputan rasmi untuk menghantar peserta, adalah dibenarkan untuk penyertaan ahli PPM.

Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada acara berikut:

- a. Persidangan Pengakap Sedunia (*World Scout Conference*),
- b. Forum Belia Pengakap Sedunia (*World Scout Youth Forum*),
- c. Jambori Pengakap Sedunia (*World Scout Jamboree*),
- d. Moot Pengakap Sedunia (*World Scout Moot*),
- e. Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Conference*),
- f. Forum Belia Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Youth Forum*),
- g. Jambori Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Jamboree*), dan
- h. Moot Pengakap Rantau Asia Pasifik (*Asia Pacific Regional Scout Moot*).

6.3 Mana-mana acara kepengakapan antarabangsa yang dianjurkan oleh mana-mana Pejabat Rantau Pengakap WOSM yang lain, mana-mana organisasi pengakap antarabangsa yang memegang Status Konsultasi WOSM atau mana-mana NSO lain di mana PPM melalui Bahagian Antarabangsa PPM menerima jemputan rasmi untuk menghantar peserta, adalah dibenarkan untuk penyertaan ahli PPM, tertakluk kepada kebenaran Pesuruhjaya Antarabangsa.

Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada acara seperti berikut:

- a. Apa-apa jambori, moot atau perkhemahan pengakap antarabangsa atau kebangsaan, dan
- b. Apa-apa program pembangunan sumber dewasa, termasuk program pembangunan kemahiran untuk pemimpin, pentadbir dan kakitangan peringkat NSO.

6.4 Mana-mana acara kepengakapan yang tidak dianjurkan oleh WOSM, mana-mana Pejabat Rantau Pengakap, mana-mana organisasi pengakap antarabangsa yang memegang Status Konsultasi WOSM atau mana-mana NSO lain yang bertaraf ahli penuh WOSM, atau tidak memberikan jemputan rasmi kepada PPM untuk menghantar peserta, adalah tidak dibenarkan untuk penyertaan ahli PPM sama sekali.

6.5 Penyertaan ahli PPM ke mana-mana acara kepengakapan antarabangsa melalui Bahagian Antarabangsa PPM hendaklah merangkumi salah satu kategori berikut:

- a. Peserta pengakap belia,

- b. Peserta pemegang tauliah pengakap dewasa,
- c. Pasukan Khidmat Antarabangsa (*International Service Team, IST*),
- d. Pasukan Pengurusan Kontinjen (*Contingent Management Team, CMT*),
- e. Perwakilan atau delegasi,
- f. Pemerhati rasmi,
- g. Pelawat rasmi,
- h. Petugas sukarelawan rasmi, dan/atau
- i. Pemegang jawatan Kepengakapan Sedunia atau serantau,

dan sentiasa tertakluk kepada apa-apa syarat hakiki setiap acara tersebut serta apa-apa peraturan lain yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat PPM.

- 6.6 Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah mendapatkan kelulusan penyertaan secara bertulis dari bahagian yang berkenaan di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk:
- a. Membenarkan penyertaan ahli PPM berumur 18 tahun dan ke bawah,
 - b. Membenarkan penyertaan ahli PPM yang berstatus penjawat awam di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan, dan
 - c. Membenarkan penyertaan untuk acara yang dijadualkan semasa waktu persekolahan dan/atau semasa penggal persekolahan awam,

sebelum permohonan penyertaan untuk acara tersebut dibuka.

ARTIKEL 7

Acara Kepengakapan Antarabangsa: Kelayakan dan Tatacara Penyertaan

- 7.1 Permohonan penyertaan ke mana-mana acara kepengakapan antarabangsa hanya boleh dibuat oleh seorang ahli PPM yang berdaftar untuk tahun permohonan itu dibuat. Sekiranya permohonan dibuka pada tahun yang berlainan daripada tahun acara itu dijadualkan untuk dianjurkan, maka pemohon penyertaan perlu mengekalkan status keahlian PPM sewajarnya untuk setiap tahun yang berkenaan.
- 7.2 Semua permohonan penyertaan ke mana-mana acara kepengakapan antarabangsa yang dibuat oleh mana-mana ahli PPM hendaklah:
- a. Menggunakan borang yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat PPM,

- b. Mematuhi semua syarat am dan khusus yang telah ditetapkan oleh penganjur dan Ibu Pejabat PPM,
 - c. Memperolehi kebenaran dari pihak yang berkenaan seperti yang diperincikan di dalam Undang-Undang Kecil Bahagian Antarabangsa, dan
 - d. Mengikut garis masa yang dimuktamadkan oleh Ibu Pejabat PPM.
- 7.3 Semua pemohon penyertaan acara kepengakapan di luar negara hendaklah bersetuju untuk mematuhi apa-apa undang-undang dan/atau peraturan kesihatan awam dan keperluan dokumen perjalanan yang berkuatkuasa pada masa permohonan dibuat.
- 7.4 Semua pemohon penyertaan acara kepengakapan antarabangsa hendaklah mengambil maklum dan mematuhi semua peruntukan semasa Dasar Selamat Dari Bahaya PPM, dan sekiranya seorang ahli dewasa PPM, mengambil maklum dan mematuhi semua peruntukan semasa Tatakelakuan PPM.
- 7.5 Bagi mengelak keraguan, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara adalah mempunyai budi bicara mutlak untuk:
- a. Meluluskan atau menolak apa-apa permohonan penyertaan ke mana-mana acara kepengakapan antarabangsa,
 - b. Menentukan apa-apa syarat tambahan kepada mana-mana permohonan, dan
 - c. Melantik mana-mana ahli PPM yang difikirkan wajar sebagai ketua kontinjen atau delegasi PPM ke mana-mana acara kepengakapan antarabangsa.

ARTIKEL 8

Acara Kepengakapan Antarabangsa: Disiplin, Etika dan Pakaian Seragam Peserta

- 8.1 Mana-mana ahli PPM yang dibenarkan dan/atau diarahkan untuk menyertai mana-mana acara kepengakapan antarabangsa di dalam apa jua kapasiti hendaklah:
- a. Sentiasa mematuhi semua undang-undang negara tuan rumah pada setiap masa semasa berada di negara tersebut,
 - b. Sentiasa mematuhi semua peraturan, syarat dan/atau terma yang ditetapkan oleh penganjur pada setiap masa di sepanjang acara tersebut, dan
 - c. Sentiasa memelihara reputasi, nama baik dan kepentingan kepengakapan Malaysia amnya dan PPM khususnya di dalam semua perbuatan dan pertuturannya di sepanjang acara tersebut.

- 8.2 Mana-mana peserta acara kepengakapan antarabangsa yang mewakili PPM hendaklah memakai pakaian seragam pengakap Malaysia yang lengkap dan kemas untuk semua program acara tersebut, melainkan kelonggaran diberi oleh penganjur atas dasar kesesuaian dan/atau keperluan aktiviti khusus.
- 8.3 Ibu Pejabat PPM hendaklah menetapkan dan memaklumkan peserta tentang tatacara pemakaian pakaian seragam dan/atau apa-apa adaptasi pakaian seragam tersebut semasa perjalanan pergi dan pulang dari sesuatu acara kepengakapan antarabangsa berkenaan, dan tatacara tersebut hendaklah dipatuhi oleh semua peserta.
- 8.4 Ibu Pejabat PPM hendaklah menetapkan dan memaklumkan peserta tentang tatacara pemakaian lencana dan tanda pangkat, lencana kemajuan unit pengakap dan/atau lencana lain pada pakaian seragam peserta selewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh perlepasan peserta yang pertama, dan tatacara tersebut hendaklah dipatuhi oleh semua peserta.
- 8.5 Skaf pengakap Malaysia hendaklah digunakan untuk semua pemakaian pakaian seragam atau pakaian aktiviti, kecuali untuk acara-acara atau situasi tertentu di mana penggunaan skaf Gilwell atau skaf rasmi acara kepengakapan tersebut, sekiranya terpakai, adalah dibenarkan mengikut ketetapan penganjur.

ARTIKEL 9

Tatacara Penerimaan Lawatan Pengakap Luar Negara di Malaysia

- 9.1 Bahagian Antarabangsa PPM mengiktiraf bahawa hubungan dua-hala dan hubungan pelbagai-hala di antara PPM dan WOSM, Pejabat Rantau Pengakap APR, atau mana-mana NSO lain adalah diperlukan untuk melindungi kepentingan kepengakapan Malaysia amnya dan PPM khususnya, dan hendaklah sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan pelbagai cara, termasuklah dengan penerimaan lawatan rasmi kepengakapan luar negara ke Malaysia dan pelaksanaan lawatan rasmi kepengakapan ke luar negara.
- 9.2 Lawatan rasmi kepengakapan luar negara adalah termasuk:
 - a. Kehadiran ke Malaysia oleh mana-mana ahli *World Scout Committee* atau *Asia Pacific Regional Scout Committee* yang tidak berpangkalan di Malaysia, untuk apa-apa tujuan kepengakapan atas jemputan PPM atau atas permohonan WOSM atau Pejabat Rantau Pengakap APR,
 - b. Kehadiran ke Malaysia oleh mana-mana ahli *Regional Scout Committee* WOSM dari rantau pengakap selain APR yang tidak berpangkalan di Malaysia, untuk apa-apa tujuan kepengakapan atas jemputan PPM atau atas permohonan WOSM atau Pejabat Rantau Pengakap tersebut,
 - c. Kehadiran ke Malaysia oleh seorang ketua pengakap kebangsaan atau ketua pesuruhjaya pengakap kebangsaan mana-mana NSO lain untuk apa-

apa tujuan kepengakapan atas jemputan PPM atau atas permohonan NSO tersebut dengan kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara,

- d. Kehadiran ke Malaysia oleh mana-mana pemimpin, pesuruhjaya atau pemegang jawatan dewasa pengakap dari mana-mana NSO lain untuk apa-apa tujuan kepengakapan atas jemputan PPM atau atas permohonan NSO tersebut dengan kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, dan
- e. Kehadiran ke Malaysia oleh mana-mana ahli pengakap belia dari mana-mana NSO lain untuk apa-apa tujuan kepengakapan atas jemputan Ibu Pejabat PPM dengan kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

9.3 Apa-apa permohonan untuk sesuatu lawatan rasmi kepengakapan luar negara ke Malaysia hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pesuruhjaya Antarabangsa dan disalinkan kepada Ibu Pejabat PPM. Permohonan tersebut hendaklah dibentangkan dengan saranan Pesuruhjaya Antarabangsa untuk pertimbangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara sebelum ketibaan pelawat-pelawat tersebut.

9.4 Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat pelarasan bagi mana-mana lawatan rasmi kepengakapan luar negara yang telah diluluskan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

9.5 Secara amnya, sambutan untuk mana-mana tetamu lawatan rasmi kepengakapan luar negara adalah berteraskan kepada keselesaan dalam kesederhanaan, dan mengambil maklum tentang sensitiviti keagamaan, kebudayaan, pemakanan dan kesihatan setiap tetamu.

9.6 Sekiranya lawatan tersebut adalah bersempena dengan sesuatu acara kepengakapan antarabangsa di mana Malaysia merupakan tuan rumah, penyelarasan terperinci adalah mengikut kelayakan yang telah ditetapkan di dalam pekeliling acara tersebut. Sekiranya lawatan tersebut bukan sebahagian daripada mana-mana acara kepengakapan antarabangsa di mana Malaysia menjadi tuan rumah, penyelarasan terperinci adalah bergantung kepada persetujuan bersama PPM dan organisasi pelawat tersebut, dan boleh merangkumi penyelarasan:

- a. Hal ehwal keperluan imigresen dan kebenaran masuk,
- b. Hal ehwal logistik sambutan dan penghantaran pelawat di pintu masuk antarabangsa,
- c. Hal ehwal pengangkutan tempatan,
- d. Hal ehwal penginapan tempatan,
- e. Hal ehwal keperluan harian tempatan, dan/atau
- f. Hal ehwal aktiviti sampingan tempatan.

- 9.7 Bahagian Antarabangsa PPM adalah tidak bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan/atau memudahcara apa-apa lawatan yang:
- a. Tidak berkaitan dengan kepengakapan,
 - b. Tidak dimaklumkan kepada Ibu Pejabat PPM sebelum kehadiran pelawat tersebut ke Malaysia, atau
 - c. Tidak mendapat kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara sewajarnya.

ARTIKEL 10

Tatacara Pelaksanaan Lawatan Pengakap Malaysia Ke Luar Negara

- 10.1 Sesuatu lawatan rasmi pengakap Malaysia ke luar negara adalah termasuk:
- a. Kehadiran ahli PPM ke mana-mana negara luar untuk apa-apa tujuan kepengakapan di atas jemputan WOSM, Pejabat Rantau Pengakap APR, atau mana-mana Pejabat Rantau Pengakap WOSM yang lain dengan kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara,
 - b. Kehadiran ahli PPM ke mana-mana negara luar untuk apa-apa tujuan kepengakapan di atas jemputan atau kebenaran NSO negara tuan rumah tersebut dan kebenaran Pesuruhjaya Antarabangsa.
- 10.2 Walau apa pun yang terkandung di dalam Dasar ini, sekiranya lawatan rasmi pengakap Malaysia ke luar negara tersebut adalah bersempena dengan apa-apa acara kepengakapan antarabangsa yang disebut di dalam Perenggan 5.2 dan 5.3 di atas, maka peruntukan Artikel 6 dan 7 adalah terpakai sepenuhnya untuk pengurusan lawatan tersebut.
- 10.3 Bagi mana-mana lawatan rasmi pengakap Malaysia ke luar negara yang tidak bersempena dengan apa-apa acara kepengakapan antarabangsa, peruntukan Artikel 6 and 7 adalah kekal terpakai, dengan peruntukan tambahan seperti berikut untuk apa-apa permohonan lawatan rasmi ke luar negara atas dasar individu, kumpulan, daerah, atau negeri PPM, di mana pemohon hendaklah:
- a. Mendapat kebenaran daripada Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri (Antarabangsa) bagi negeri pemohon tersebut dan mengemukakan satu kertas kerja lawatan yang lengkap kepada Pesuruhjaya Antarabangsa melalui Ibu Pejabat PPM,
 - b. Memberikan pelepasan (*'indemnity'*) bertulis kepada Ibu Pejabat PPM dari apa-apa risiko dan implikasi kewangan yang mungkin terbit daripada lawatan tersebut, melainkan dikecualikan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

- 10.4 Mana-mana ahli PPM yang ke luar negara untuk tujuan peribadi adalah digalakkan untuk melawat apa-apa tapak penting yang berkaitan dengan kepengakapan di negara yang dikunjungi, sekiranya berkelapangan. Walau bagaimanapun, ahli PPM adalah dilarang sama sekali untuk melakukan apa-apa perbuatan yang boleh ditafsir sebagai mewakili PPM secara rasmi, tanpa memaklumkan dan mendapat kebenaran Pesuruhjaya Antarabangsa terlebih dahulu. Ini termasuklah:
- a. Menghadiri apa-apa bentuk mesyuarat, program atau latihan kepengakapan tempatan negara tersebut,
 - b. Menandatangani apa-apa jenis dokumen, dan/atau
 - c. Memberi apa-apa jenis kenyataan kepada pihak media negara tersebut,
- di dalam kapasiti sebagai ahli PPM.

ARTIKEL 11

Pelaksanaan Program atau Latihan Antara Negara

- 11.1 Apa-apa inisiatif untuk mewujudkan hubungan dua-hala atau pelbagai hala yang baik di antara mana-mana kumpulan, daerah atau negeri PPM dengan mana-mana peringkat yang sama dari NSO lain adalah digalakkan oleh PPM. Walau bagaimanapun, semua aktiviti perhubungan antarabangsa ini hendaklah dijalankan hanya dengan kebenaran Bahagian Antarabangsa PPM, supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan mana-mana pihak yang terlibat dan/atau mewujudkan apa-apa salah faham di antara PPM dan mana-mana NSO lain.
- 11.2 Walau apa pun yang terkandung di dalam Dasar ini atau mana-mana Dasar PPM lain yang sedang berkuatkuasa,
- a. Apa-apa perancangan program atau latihan tempatan di peringkat kumpulan, daerah, negeri atau kebangsaan yang melibatkan kehadiran fizikal mana-mana ahli pengakap dari mana-mana NSO lain hendaklah mendapat kebenaran daripada Pesuruhjaya Antarabangsa, dan kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya Antarabangsa NSO lain tersebut sebelum pelaksanaannya, dan
 - b. Apa-apa perancangan program atau latihan tempatan di peringkat kumpulan, daerah, negeri atau kebangsaan yang hanya melibatkan kehadiran secara maya mana-mana ahli pengakap dari mana-mana NSO lain hendaklah dimaklumkan kepada Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri (Hal Ehwal Antarabangsa) negeri tersebut dan Pesuruhjaya Antarabangsa sebelum pelaksanaannya.

ARTIKEL 12

Tatatertib

- 12.1 Kegagalan dengan sengaja dan/atau kecuaiian teruk untuk mematuhi mana-mana peruntukan Dasar Antarabangsa PPM ini oleh mana-mana ahli PPM boleh dikenakan tindakan disiplin sewajarnya oleh Jawatankuasa Disiplin PPM.
- 12.2 Pesuruhjaya Antarabangsa boleh mengarahkan supaya satu jawatankuasa ditubuhkan untuk menyiasat apa-apa ketidakpatuhan yang disyaki, samada ianya dilaporkan secara rasmi ataupun tidak.

ARTIKEL 13

Percanggahan dan Pindaan

- 13.1 Sekiranya didapati apa-apa percanggahan di antara kandungan Dasar ini dan POR PPM yang diperakui oleh Jawatankuasa Perundangan PPM, maka peruntukan POR hendaklah diberi keutamaan dan peruntukan Dasar yang bercanggah tersebut adalah tergantung dengan sendirinya.
- 13.2 Apa-apa pindaan kepada Dasar ini hendaklah dicadangkan oleh Pesuruhjaya Antarabangsa kepada Majlis Eksekutif Pengakap Negara, setelah dipertimbangkan dan disarankan oleh satu jawatankuasa kecil Bahagian Antarabangsa PPM bagi tujuan semakan Dasar Antarabangsa ini. Pindaan tersebut hendaklah dianggap berkuatkuasa mengikut ketetapan bertulis Majlis Eksekutif Pengakap Negara.

(Ruang kosong di bawah ini disengajakan)